



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

UCAPAN

Y.B. DATUK SERI SALAHUDDIN BIN AYUB  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

***“MAJLIS PELANCARAN JUALAN  
RAHMAH RAYA AEON PUTRAJAYA”***

**6 MAC 2023 (ISNIN)**

**AEON PUTRAJAYA, IOI CITY MALL PUTRAJAYA**

**Yang Berbahagia Datuk Roziah binti Abudin  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan  
Dalam Negeri),  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara  
Hidup (KPDN)**

**Yang Berbahagia Datuk Iskandar Sarudin  
Pengerusi, AEON Co. (Malaysia) Berhad**

**Yang Berbahagia Dato' Voon Tin Yow  
Ketua Pegawai Eksekutif  
IOI Properties Group Berhad**

**Yang Berusaha Encik Keiji Ono  
Pengarah Urusan, AEON Co. (Malaysia) Berhad**

**Yang Berusaha Encik Mohd. Zuhairi bin Mat Radey  
Pengarah  
Pejabat KPDN Selangor**

**Pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari KPDN  
dan Pejabat KPDN Selangor**

**Pegawai-pegawai dan seluruh warga kerja AEON Co.,  
khususnya AEON Putrajaya**

**Wakil-wakil daripada media tempatan dan seterusnya Tuan-tuan dan Puan-Puan saya kasihi sekalian.**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

**Selamat petang dan Salam Sejahtera.**

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada pihak AEON Co. (Malaysia) Berhad kerana menjemput saya untuk melancarkan Jualan Raya Rahmah di pusat membeli belah AEON Putrajaya yang terletak di dalam premis IOI City Mall, dan kedua-duanya adalah destinasi membeli-belah terbaik untuk seisi keluarga dengan pelbagai pilihan yang ditawarkan.
2. Seperti yang kita sedia maklum, industri peruncitan di negara ini telah mengalami masa yang sangat mencabar akibat daripada pandemik COVID-19 sejak hampir tiga (3) tahun yang lalu dan perkembangan semasa di dunia yang membawa kepada sekatan aliran perdagangan yang sedang memberi kesan langsung kepada pengguna. Situasi pandemik COVID-19 yang melanda Malaysia telah membawa pengguna untuk hidup dengan norma dan kelaziman baharu, tetapi semakin dihimpit dengan tekanan harga barang yang semakin meruncing dan membawa kepada isu kos sara hidup yang perlu ditangani segera.

3. Oleh itu, KPDN telah merangka pelaksanaan Program Payung Rahmah untuk membantu golongan termiskin dan kurang berkemampuan untuk mendapatkan bantuan makanan dan barangan keperluan asas yang dikenal pasti lebih berkesan, konsisten dan bersasar. Program Payung Rahmah ini adalah satu bentuk manifestasi keprihatinan dan konsep kasih sayang Kerajaan kepada rakyat Malaysia, khususnya golongan berpendapatan rendah melalui kerjasama bersama rakan-rakan strategik yang terlibat.
  
4. Sebagai permulaan kepada “perjalanan kasih sayang” ini, beberapa inisiatif telah dikenal pasti di bawah Program Payung Rahmah seperti Bakul Rahmah, Jualan Rahmah, Pakej Rahmah, Menu Rahmah dan Kafe Rahmah. Selaku Menteri yang menerajui KPDN, saya telah melancarkan Jualan Rahmah secara *kick-off* pada 11 Januari 2023 yang lalu dan sedang dirancang untuk dilaksanakan di setiap 222 kawasan Parlimen secara berperingkat di seluruh negara. Seterusnya, saya telah melancarkan Menu Rahmah pada 27 Januari 2023 yang lalu dan telah merekodkan penyertaan rasmi oleh 1,077 buah premis perniagaan makanan-minuman di seluruh negara sehingga 1 Mac 2023.

5. Berdasarkan pengamatan mudah yang diketahui semua, KPDN menyedari bahawa premis perniagaan AEON adalah antara pemain industri sektor peruncitan yang berskala besar di Malaysia dan telah memainkan peranan amat penting dan signifikan tinggi sejak dalam evolusi penubuhannya dalam evolusi penubuhan dan pengoperasiannya sejak bulan September 1984.
6. Kerjasama erat yang antara pihak Kerajaan Malaysia (melalui KPDN) dengan pihak AEON Co. (Malaysia) Berhad ini dengan terus-menerus dibuktikan melalui operasi pusat membeli-belah AEON Putrajaya ini sebagai rangkaian premis perniagaan yang ke-35 dan telah dibuka pada 2 Mac 2023 yang lalu.
7. Maka, tidak hairanlah jika saya melihat reaksi ke atas pelaksanaan inisiatif Payung Rahmah ini segera disambut oleh pihak pengurusan AEON Co. (Malaysia) Berhad melalui Jualan Rahmah Raya yang akan dilancarkan sebentar lagi. Sesungguhnya musim jualan murah pada musim perayaan adalah saat kemeriahan yang amat ditunggu-tunggu oleh seluruh rakyat Malaysia yang kaya dengan persahabatan erat dalam kalangan berbilang kaum dan agama, khususnya kepada umat Islam menjelang sambutan bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri pada bulan Syawal kelak, melalui pelbagai tawaran menarik,

promosi dan diskaun produk makanan-minuman, pakaian/busana, barangan elektrik, perabot, hiasan rumah dan sebagainya.

8. Serentak dengan itu, KPDN turut mengambil maklum akan penyaluran sumbangan Bakul Rahmah kepada lebih kurang 1,140 orang penerima secara kerjasama serentak antara AEON dan AEON Big mengikut lokasi semua premis perniagaan yang terhampir dengan penerima. Selain itu, premis AEON juga akan menawarkan set Menu Rahmah dengan makanan terpilih pada harga RM4.90 bagi setiap set, yang telah saya lancarkan dengan rasminya di premis AEON Big Wangsa Maju pada 20 Februari 2023 yang lalu.
9. Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pihak AEON Co. (Malaysia) Berhad atas maklum balas positif dan komitmen yang amat tinggi ditunjukkan ke atas pelaksanaan inisiatif Payung Rahmah yang direncanakan oleh KPDN dalam usaha menangani isu kos sara hidup pada hari ini. Sesungguhnya, usaha proaktif yang ditunjukkan oleh AEON Co. (Malaysia) Berhad wajar diberi pujian dan galakan, serta wajar dicontohi oleh semua rangkaian premis perniagaan seumpamanya di Malaysia.

10. Sekali lagi, KPDN sentiasa menyokong usaha yang dilaksanakan oleh pemain-pemain industri di Malaysia untuk menggalakkan rakyat Malaysia berbelanja dengan memberi ganjaran tambahan atau nilai tambah kepada pengguna, selaras dengan memberi perkhidmatan yang terbaik khususnya kepada rakyat Malaysia.
  
11. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir ke majlis kita pada hari ini. Saya berharap agar pihak pengurusan AEON Co. (Malaysia) Berhad yang menjadi tulang belakang kepada premis perniagaan AEON di seluruh Malaysia dan terus berkembang sebagai bintang yang terus cemerlang dalam sektor peruncitan di Malaysia.
  
12. Dengan ini, saya dengan rasminya melancarkan Jualan Rahmah Raya AEON Putrajaya dan dipersembahkan kepada semua.

Sekian, terima kasih.

**Disediakan Oleh:**

*Sekretariat Perdagangan Pengedaran Dan Industri Perkhidmatan (SPIP)  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)*

5 Mac 2023